

Pg. P.U. 7.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN

UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN)  
(MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG) 1993

## SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-  
undang  
Kecil.

1. Nama dan tarikh mulai berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Taman hendaklah dibuka setiap masa kepada orang-ramai.
4. Berada dalam taman.
5. Kesalahan.
6. Kemasukan anjing atau binatang.
7. Larangan memerangkap atau membunuh binatang dan burung.
8. Larangan bagi kenderaan yang beratnya lebih daripada dua tan.
9. Larangan meletak kenderaan sewenang-wenangnya.
10. Kapal terbang dilarang mendarat atau berlepas.
11. Larangan mendirikan binaan.
12. Kegunaan taman untuk permainan bola sepak, dsb.
13. Memberisewa astaka, bilik minum dsb.
14. Penutupan taman.
15. Larangan mendedah, mempamer atau menjual barangian, benda-benda dsb.
16. Pengusiran orang yang melanggar Undang-undang kecil.
17. Penalti.
18. Pemansuhan.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL (TAMAN)  
 (MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG) 1993

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 (f) Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Pulau Pinang membuat, dan mengikut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, Undang-undang kecil yang berikut:

*Akta 171.*

Nama dan tarikh mula berkuatkuasa.

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil (Taman) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1993** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh penyiaran dalam *Warta Kerajaan*.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-undang kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Majlis” ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang;

“kenderaan motor” ertinya kenderaan daripada setiap perihalan yang didorong oleh jentera mekanisma yang terkandung di dalam badan itu dan dibina atau disesuaikan supaya dapat digunakan di atas jalan dan termasuklah trailer;

“taman” termasuk kawasan lapang, siarkaki di sekitar tasik, taman rekreasi atau lipur, bulatan lalulintas, pembahagi jalan di sepanjang jalan bahu jalan, simpanan jalan, anak sungai, sungai, tebing sungai atau sebarang kawasan lain yang disenggara atau telah dipindahmilik kepada atau diletakkan pada Majlis;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis dan termasuk Timbalan Yang Dipertua;

“binaan” ertinya apa-apa rumah, pondok, bangsal, gerai, papan tanda, khemah, booth, meja, tiang, bangsal tanpa dinding, tempat berteduh, kepungan berbunga atau apa-apa sambungan atau sebarang binaan lain daripada apa sahaja bahan.

Taman hendaklah dibuka setiap masa kepada orang ramai.

Berada dalam Taman.

3. Semua taman hendaklah dibuka setiap masa kepada orang ramai kecuali sepertimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam Undang-undang kecil ini.

4. Tiada seorang pun boleh berada dalam mana-mana taman kecuali dalam tempoh yang dirujukkan dalam papan notis yang dipamerkan di atau berhampiran taman sedemikian dan kecuali mengikut peruntukan-peruntukan Undang-undang kecil ini.

Kesalahan.

5. Sesiapa juar di dalam mana-mana taman yang—

(a) menanggal atau mencatatkan sebarang notis atau undang-undang kecil yang dipamerkan di dalamnya;

- (b) membawa di atas badannya atau melekatkan atau ménampal apa-apa pemberitahu, pelekat, notis, sepanduk, bendera atau iklan ke atau atas mana-mana tembok, pokok, pagar atau binaan;
- (c) mengalih, mengubah, merosak atau mencacatkan mana-mana tempat duduk, perkakas taman permainan kanak-kanak atau alat-alat lain;
- (d) meletak, menaruh atau membuang atau menyebab atau membiarkan diletak, ditaruh atau dibuang apa-apa debu, kekotoran, kertas, abu, bangkai-bangkai, sampah, kotak, tong, bungkus atau barang lain atau menjatuhkan, menumpah atau menabur apa-apa kekotoran, pasir, tanah, batu kelikir, lom, batu, rumput kering, talal kayu, abuk kayu, sampah kebun, sampah kandang kuda, sampah perniagaan, baja, sampah sarap atau sebarang benda atau bahan lain daripada kenderaan bergerak atau berhenti atau dengan apa-apa cara lain atau, membuang, meninggalkan apa-apa botol, kaca, pembungkus makanan dalam tin, sisa makanan atau apa-apa barang atau benda yang lain;
- (e) memanjat apa-apa tembok, pagar, binaan atau pokok;
- (f) menunggang atau memandu basikal atau kenderaan motor di atas mana-mana padang atau lorong jalan kaki;
- (g) berjalan di atas batas bunga atau rumpun pokok renek;
- (h) memotong, mengubah, merosak atau memusnahkan apa-apa bunga, tempat duduk, tanaman atau pokok;
- (i) mengambil apa-apa rumput atau menggorek apa-apa tanah;
- (j) membaling atau melempar apa-apa batu atau benda yang lain;
- (k) mandi dalam mana-mana tasik atau sungai kecuali di mana-mana tempat permandian yang diwujudkan oleh Yang Dipertua untuk tujuan itu;
- (l) mengalir atau menyebabkan dialir apa-apa bahan buangan atau cecair dari mana-mana premis, ke dalam tasik atau sungai (dalam taman) dan yang mencemar atau mungkin mencemar tasik atau sungai tersebut;
- (m) menggunakan sampan, atau memancing dalam mana-mana tasik atau sungai kecuali dengan mendapat kebenaran Yang Dipertua secara bertulis.

- (n) menyalaikan sebarang api atau membakar apa-apa bunga api atau mercun atau menggunakan dengan tujuan menembak tanpa alasan yang boleh diterima oleh undang-undang apa-apa senjata api atau senapang angin tanpa mendapat kebenaran Yang Dipertua secara bertulis terlebih dahulu;
- (o) bermain layang-layang atau apa-apa permainan bola kecuali dalam tempat-tempat yang disediakan khas untuk permainan sedemikian;
- (p) menggantung, menghampar atau meletak apa-apa kain atau fabrik lain untuk tujuan meluntur, membuat layar atau tujuan lain;
- (q) menggonggong, menyapu, memberus atau mencuci apa-apa permaidani atau fabrik lain yang mengandungi debu atau kekotoran;
- (r) berkutbah atau niyampaiakan apa-apa ucapan awam atau mengadakan perhimpunan dalam taman untuk tujuan mengadakan atau menyertai apa-apa perjumpaan ugama, politik atau apa-apa perjumpaan lain atau mengadakan apa-apa tunjuk perasaan tanpa mendapat kebenaran Yang Dipertua secara bertulis terlebih dahulu;
- (s) menggunakan apa-apa bahasa yang luah dan sumbang atau berkelakuan tidak sopan atau sumbang;
- (t) menghalang Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis olehnya daripada menjalankan tugas-tugasnya;
- (u) bekerja menjaga atau mencuci mana-mana kenderaan motor tanpa mendapat kebenaran Yang Dipertua secara bertulis terlebih dahulu

adalah melakukan satu kesalahan.

Kemasukan  
anjing atau  
binatang.

6. (1) Tiada seorang pun boleh menyebab atau membenarkan seekor anjing atau binatang lain kepunyaannya atau di bawah jagaannya memasuki atau berada di dalam mana-mana taman kecuali seekor anjing yang terikat lehernya dengan tali atau di bawah kawalannya dengan sempurna.

(2) Apabila suatu notis dilekapkan oleh Yang Dipertua melarang kemasukan anjing ke dalam mana-mana taman, tiada seorang pun boleh menyebab atau membenarkan seekor anjing kepunyaannya atau di bawah jagaannya memasuki atau berada di dalam taman itu.

7. Tiada seorang pun boleh memerangkap atau membunuh mana-mana binatang atau burung dalam sesebuah taman atau memiliki sebarang alat memerangkap binatang atau burung. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa bertulis olehnya atau seorang pegawai polis boleh merampas alat seperti itu daripada sesiapa jua yang didapati di dalam taman itu. Larangan memerangkap atau membunuh binatang dan burung.
8. Tiada sebuah kenderaan motor pun kecuali kepunyaan Kerajaan atau Badan-badan Berkanun, yang berat muatannya lebih daripada dua tan boleh memasuki mana-mana taman tanpa kebenaran Yang Dipertua secara bertulis. Larangan bagi kenderaan yang beratnya lebih daripada dua tan.
9. Tiada sebuah kenderaan motor atau basikal pun boleh diletakkan di mana-mana tempat dalam mana-mana taman kecuali di sebuah tempat yang dikhaskan untuk meletak kenderaan motor atau basikal itu. Larangan meletak kenderaan sewenang-wenangnya.
10. Tiada sebuah kapalterbang pun boleh menggunakan mana-mana taman sebagai tempat mendarat atau berlepas kecuali dengan kebenaran Yang Dipertua dan kecuali terpaksa oleh keadaan, tekanan cuaca atau kejadian yang tidak dapat dielakkan untuk membuat pendaratan kecemasan di dalam taman itu. Kapalterbang dilarang mendarat atau berlepas.
11. (1) Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa binaan dalam mana-mana taman tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Yang Dipertua secara bertulis. Larangan mendirikan binaan.
- (2) Setiap binaan yang didirikan oleh sesiapa jua di dalam sesebuah taman hendaklah daripada bahan-bahan serta mengikut pelan sepertimana difikirkan patut oleh Yang Dipertua.
12. (1) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana bahagian sesebuah taman untuk maksud permainan bola sepak, kriket atau sebarang permainan lain yang disebabkan oleh peraturan-peraturan atau cara permainannya atau untuk mencegah kerrosakan, bahaya atau ketidakselesaan kepada sesiapa jua di dalam taman itu mungkin memerlukan kegunaan khas mana-mana kawasan dalam taman itu oleh pemain atau pemain-pemain itu sehingga kelulusan Yang Dipertua didapati dan satu permit dikeluarkan dan bayaran yang perlu dijelaskan. Kegunaan taman untuk permainan bola sepak.
- (2) Yang Dipertua bolehlah mengenakan bayaran untuk penggunaan taman itu dan juga boleh mensyaratkan satu bayaran dijelaskan bagi kegunaan sebarang alat kelengkapan yang dipasang oleh Majlis atau kepunyaan Majlis untuk permainan-permainan, hiburan atau rekreasi atau memberikan hak menyediakan alat kelengkapan itu kepada sesiapa jua.
- (3) Bayaran yang hendak dikenakan adalah sepertimana ditetapkan oleh Majlis dari masa ke masa.

(4) Sebarang permit yang diberi di bawah undang-undang kecil 12 (1) di atas ini boleh dibatalkan dengan budibicara Yang Dipertua.

Memberisewa astaka, bilik minum dsb. 13. Majlis boleh memberisewa mana-mana astaka, bilik minum atau bangunan dalam mana-mana taman kepada sesiapa jua untuk tujuan-tujuan sedemikian dan atas termaterrima dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan layak oleh Majlis.

Penutupan taman. 14. (1) Yang Dipertua boleh menutup mana-mana taman atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa.

(2) Tanpa menghiraukan peruntukan-peruntukan undang-undang kecil 14 (1) di atas, Yang Dipertua boleh membenarkan sesiapa jua memasuki mana-mana taman atau pun mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa apabila ianya ditutup kepada orang ramai.

Larangan mendedah, memamer, menjual barang, benda-benda dsb. 15. (1) Sesiapa pun tidak dibenar—

- (a) meninggal, memamer atau meletakkan apa-apa barang, dagangan atau benda di mana-mana bahagian taman bérkenaan;
- (b) mendedahkan untuk jualan atau menjual apa-apa barang, benda, makanan atau minuman kecuali di tempat-tempat sedemikian di dalamnya dan pada waktu-waktu tertentu sebagaimana yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Majlis boleh, melalui pekerja-pekerja atau agennya menyebabkan sebarang benda, dagangan, barang, makanan atau minuman dipindahkan ke suatu tempat yang sesuai dan membarkannya di situ atas risiko pemunya atau pun orang yang melakukan kesalahan itu dan boleh menahannya sehinggalah perbelanjaan berhubung dengan pemindahan dan penahanan itu dibayar.

Pengusiran orang yang melanggar Undang-undang kecil. 16. (1) Sesiapa yang melakukan sebarang perbuatan yang menyalahi mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini boleh diperintahkan keluar dari sebarang taman oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis olehnya ataupun oleh seorang pegawai polis dan boleh ditegah daripada memasukinya di masa hadapan.

(2) Sesiapa yang enggan mematuhi perintah-perintah di bawah undang-undang kecil 16 (1) boleh diusir dari taman berkenaan dengan menggunakan kekerasan yang berpatutan.

Penalti. 17. Sesiapa yang bertindak menyalahi mana-mana peruntukan Undang-undang kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara

selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau dengan kedua-duanya sekali dan di dalam kes di mana sesuatu kesalahan itu diteruskan, satu jumlah sebanyak tidak lebih daripada dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas sabit kesalahan.

18. "The Municipal Public Grounds By-laws 1953" adalah Pemansuhan dengan ini dimansuhkan.

Diperbuat pada 8hb April 1993.

DATO' TAN GIM HWA,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Perbandaran Pulau Pinang,*  
*Pulau Pinang*

Disahkan pada 22hb Disember 1993.  
[PSUK/PP/004.5.1.26.1; R. 50/8/3-1.]

NG WEE KOK,  
*Setiausaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Pulau Pinang*